

PM hurai cita - cita koperasi

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



● DATUK Seri Dr Mahathir diberi penerangan ketika melawat pameran Hari Koperasi. — Foto: ANUAR HASHIM.

Oleh JAMALUDDIN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata penubuhan sesebuah koperasi mestilah didorong oleh cita-cita terus maju dalam kegiatan ekonomi secara kerjasama, bukan tempat mencari kekayaan atau mengelak cukai.

Perdana Menteri menegaskan koperasi bukan tempat mencari kekayaan dengan membiarkan orang lain menjalankan kerja dan ahli-ahlinya menumpang menikmati untung atau mendapat faedah dari tambahan nilai modal.

"Ia tidak harus ditubuhkan dengan tujuan mengelakkan cukai atau kawalan oleh sebarang jabatan atau agensi kerajaan. Begitu juga ia tidak harus dijadikan batu loncatan untuk menjadi syarikat swasta," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian ketika merasmikan perayaan Hari Koperasi Antarabangsa ke-61 dan Perisidangan Kebangsaan Angka ke-5 di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya.

Beliau menegaskan, koperasi tidak wujud untuk mencapai keuntungan besar. Sebaliknya, ia untuk memberi perkhidmatan bersih, cekap dan amanah yang boleh menguntungkan ahli-ahlinya.

Gerakan koperasi, katanya, boleh menolong menurunkan kos sara hidup dengan membeli barangan secara borong dan menjualkannya dengan harga berpatutan tanpa komisen orang tengah.

Beliau berpendapat koperasi boleh bergiat dalam banyak kegiatan ekonomi dan sekiranya koperasi dijalankan dengan baik, semua ahli akan mendapat perkhidmatan yang baik, malahan faedah-faedahnya juga akan dinikmati oleh masyarakat umum.

Kata beliau, melalui gerakan koperasi, ahli-ahli berpeluang mempelajari selok-belok perniagaan dan soal-soal ekonomi di samping memupuk persefahaman dan perpaduan.

Oleh itu, gerakan koperasi di sekolah-sekolah dan lapisan masyarakat tertentu dapat membantu kerajaan dalam beberapa hal bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang gigih berusaha, sanggup bekerjasama dan berdikari untuk maju.

"Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab gerakan koperasi di negara kita sendiri untuk meningkatkan kemampuan pengurusannya supaya dapat membimbing gerakan koperasi dengan lebih berkesan dan teratur," jelas beliau.